

UCAPAN YAB DATO HUSSEIN ONN,
PERDANA MENTERI MALAYSIA, MERANGKAP
YANG DI-PERTUA PERSATUAN SEJARAH
MALAYSIA, DI UPACARA PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG MAJLIS PERSATUAN
SEJARAH MALAYSIA, DI BALAI SEMINAR,
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,
KUALA LUMPUR, PADA 17HB.MEI, 1980
JAM 10.00 PAGI.

Yang Berbahagia, Tan Sri Datuk Haji Hamdan
Pengerusi Jawatankuasa Kerja,
Persatuan Sejarah Malaysia.

Ahli-ahli Majlis,

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja,

Para perwakilan,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah
Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah
kurniaNYA, dapat kita mengadakan mesyuarat
agung tahunan pada pagi ini, dengan tujuan murni
untuk mengatur rancangan masa depan Persatuan kita.

...2/-

2.

2. Saya difahamkan bahawa mesyuarat pada pagi ini bukanlah semata-mata hendak meneliti laporan-laporan yang disediakan. Tetapi yang lebih penting-ialah untuk mencari kata sepakat ke arah memperkukuhkan lagi jentera, dan meningkatkan lagi prestasi Persatuan kita, dalam memelihara tradisi warisan kebudayaan negara yang kita cintai. Kata sepakat ini, dengan mudah boleh dicapai, memandangkan pengalaman para perwakilan dan ahli-ahli majlis, yang terdiri daripada tokoh-tokoh dan peminat-peminat sejarah, yang benar-benar faham akan nilai-nilai tamaddun dan sejarah yang kita warisi. Saya harap, mesyuarat ini akan juga mengatur rancangan yang lebih berkesan, bagi meningkatkan lagi kesedaran

3.

terhadap sejarah dan kepentingannya. Memang banyak lagi bahan-bahan sejarah dan budaya negara di peringkat negeri dan daerah, yang belum lagi dicungkil dan dikaji. Oleh itu, jentera dan organisasi Persatuan di peringkat Cawangan dan Kawasan, perlulah diperkukuh dan diperkemaskan, supaya kegiatan-kegiatan Persatuan dapat dikendali dan dilaksanakan dengan lebih tersusun dan lebih berkesan lagi.

3. Pihak Kerajaan, disemua peringkat, sentiasa memberi sokongan dan kerjasama dalam kegiatan sejarah. Buktinya adalah jelas. Baru-baru ini,

4.

misalnya, Kerajaan Negeri Kelantan telah melibatkan diri dengan serius, dan sama-sama menjayakan Seminar Sejarah dan Budaya Negeri Kelantan. Sementara itu, Kerajaan Negeri Perak pula, telah memainkan peranan yang penting, menjayakan Hari Sastera pada bulan April lepas. Hasilnya ialah, beberapa aspek historiografi dan kegemilangan semangat perjuangan bangsa, bersumberkan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah tanahair, telah dapat diketengahkan. Saya penuh yakin, bahawa sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh berbagai pihak ini, akan bertambah dari masa ke semasa, sekiranya aktiviti-aktiviti Persatuan ini dapat

... 5/-

5.

dipergiat dan diperluaskan lagi.

4. Bercakap mengenai khazanah-khazanah atau sumber-sumber sejarah yang berselerak di seluruh pelusuk tanahair, samada yang dapat dikesan atau yang masih tersembunyi, satu kebimbangan yang selalu dilahirkan ialah kemungkinan ianya dibawa keluar dan menjadi bahan dagangan mereka yang hendak mencari keuntungan. Walaupun agensi-agensi kerajaan seperti Muzium Negara dan Arkib Negara sentiasa berusaha untuk memelihara dan melindungi bahan-bahan sejarah, Persatuan Sejarah Malaysia di berbagai peringkat hendaklah

... 6/-

6.

sama-sama memainkan peranan dalam menjaga khazanah negara yang bernilai ini. Saya yakin, dengan kebijaksanaan dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan sekalian, perkara ini akan mendapat perhatian yang sewajarnya.

5. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa, langkah-langkah yang tegas telah pun diambil untuk memberi penerangan yang lengkap, mengenai sumber-sumber sejarah tempatan dengan tujuan untuk menyediakan satu bahan rujukan yang komprehensif, mengenai sumber-sumber

...7/-

7.

sejarah di seluruh tanahair. Arkib Negara telah melancarkan dua projek utama, untuk mengesan dan menghuraikan pelbagai bahan sejarah yang disimpan oleh tokoh-tokoh sejarah, institusi-institusi dan orang-orang perseorangan. Penubuhan Jawatankuasa Daftar Induk Surat-surat persendirian, adalah bertujuan untuk mengesan bahan-bahan dokumentari, gambar-gambar, majalah-majalah berunsur sejarah yang terdapat di seluruh negara, dan menyediakan maklumat tentang jumlah, jenis dan lokasi bahan-bahan sejarah ini.

...8/-

8.

6. Satu lagi projek yang baru dilancarkan oleh Arkib Negara, ialah pembentukan satu badan penyelaras untuk mengumpul, menyedia dan menerbitkan satu siri panduan mengenai sejarah dan kebudayaan Malaysia yang komprehensif.

Projek ini merupakan sebahagian daripada Projek Bahan-bahan Sejarah Negara-negara (Guide to the Sources of History of Nations), anjuran bersama Majlis Arkib Antarabangsa dan UNESCO.

Saya percaya, panduan-panduan seperti ini, akan dapat membantu para sejarawan dan peminat sejarah di dalam pengkajian, penyelidikan dan penulisan mereka. Saya menggesa semua pihak

...9/-

supaya memberi kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan projek-projek ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Saya difahamkan, bahawa Persatuan Sejarah Malaysia di semua peringkat telah bergiat dengan bersungguh-sungguh di dalam bidang penerbitan. Saya juga difahamkan bahawa penulisan sejarah ini meliputi berbagai aspek, termasuklah kajian terhadap beberapa tokoh-tokoh sejarah dari zaman ke zaman. Pada hemat saya, penulisan mengenai tokoh-tokoh sejarah perlu juga

10.

menumpukan perhatian kepada tokoh-tokoh yang menjadi barisan hadapan, dalam memperjuangkan kemerdekaan negara kita. Penulisan seperti ini adalah penting, kerana perjuangan setiap generasi, perlu berlandaskan keinsafan terhadap perjuangan kemerdekaan. Dengan cara ini, kita bukan sahaja dapat mengabadikan aliran pemikiran dan perjuangan mereka dalam membentuk satu negara yang kukuh, bahkan dapat memandu jenerasi sekarang dalam perjuangan mereka. Hasil dari usaha-usaha, sumbangan dan pengorbanan tokoh-tokoh ini, dalam memperjuangkan kemerdekaan dan meletakkan asas-asas pembangunan negara, kita telah dapat

memupuk satu masyarakat yang sentiasa mendukung keutuhan negara.melalui sifat persefahaman, toleransi dan semangat perpaduan.

8. Kita tidaklah menafikan adanya penulisan dan kajian kearah ini,yang diusahakan oleh para sejarawan atau sarjana-sarjana. Tetapi mungkin terdapatgaya penulisan dan kajian yang dibuat mengikut perspektif yang berbeza-beza. Sekiranya penulisan mengenai tokoh-tokoh ini diusahakan sendiri oleh Persatuan Sejarah Malaysia, saya percaya Persatuan dapat memberi pendekatan

yang saksama dengan perspektif yang seimbang dan rangka yang lebih luas.

9. Sesungguhnya, dalam keadaan sekarang, di mana sebilangan besar daripada masyarakat kita merupakan jenerasi muda, yang beruntung pula mengecapi nikmat dan hikmat kemerdekaan, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mendekatkan mereka kepada warisan sejarah dan budaya negara yang setepat-tepatnya. Mereka telah dibesarkan melalui satu process perubahan yang perlu dikaitkan dengan keinsafan

terhadap warisan dan teras sejarah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Kita harus berbangga dan bersyukur, kerana dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara yang telah lalu, kita telah dapat membangunkan negara kita, dan meletakkan asas-asas perpaduan kebangsaan, serta memelihara kestabilan politik. Namun demikian, kita harus waspada, bahawa aliran sejarah negara kita boleh dikelirukan oleh penulisan yang bercanggah yang tidak mengambil kira sudut-sudut kenegaraan. Gejala seperti ini boleh membawa kesan-kesan yang

tidak diinginkan, yang mungkin merusakkan suasana politik dan keharmonian yang kita pupuk selama

11. Kekeliruan di dalam penulisan dan penilaian aliran sejarah, mungkin dilakukan oleh mereka yang terdiri dari gulungan yang tidak memahami keadaan atau sejarah tempatan yang sebenarnya. / mungkin juga dilakukan oleh mereka yang sengaja hendak merubahkan fakta-fakta sejarah, demi kepentingan tertentu. Kekeliruan ini mungkin juga disebabkan oleh perbuatan yang sengaja oleh pengkaji-pengkaji

15.

Iuar, yang bukan warganegara, tetapi pura-pura berminat untuk membantu usaha kita kearah membangun negara kita, sedangkan mereka mempunyai motif-motif yang merbahaya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

12. Saya suka mengambil kesempatan di majlis ini menyampaikan rasa sukacita saya, di atas kejayaan Persatuan ini mendapatkan tanah tapak Muzium Sejarah Nasional. Projek ini sewajarnya dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi Muzium Negara. Marilah kita berdoa di atas kejayaan projek yang besar ertinya kepada kita ini.

...16/-

13. Sambil kita menilai pencapaian Persatuan Sejarah Malaysia dalam menjalankan kegiatannya lebih sesuku abad ini, kita tidak harus lupakan pengorbanan tenaga dan dayausaha yang diberikan oleh setiap Ahli Majlis dan Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan ini, baik diperingkat Ibupejabat mahupun di peringkat negeri dan daerah. Saya percaya,pimpinan Tan Sri Haji Hamdan, dapat dibanggakan. Tanpa minat dan tenaga beliau, Persatuan ini tidak dapat berkembang seperti kita lihat hari ini. Saya sanjung kegigihan dan dedikasi beliau,dan berharap beliau akan terus memberi pimpinannya. ...17/-

14. Akhir kata, saya berdoa semoga Persatuan Sejarah Malaysia akan terus maju jaya. Dengan doa ini, saya dengan sukacitanya, mengisytiharkan Mesyuarat Agung Majlis Persatuan Sejarah Malaysia bagi kali yang ke 26 ini, dibuka dengan resminya.

Terima kasih.



| | |
|----------------------|-------|
| No Siri | 481 |
| No. Penerimaan | 94/81 |